

## UNDANG-UNDANG ISLAM DENGAN MASYARAKAT SEKARANG

Sebagai natijah dari cengang bengang dunia hari ini soal penyusunan masyarakat dengan cara baharu merebak di seluruh dunia. Langkah ini diambil setelah melihatkan susunan yang ada sekarang ini, yang mana hasil dari undang-undang yang ada, tidak sanggup memenuhi kehendak masyarakat manusia. Jadi langkah membentuk undang-undang baharu yang diasaskan di atas pengalaman masyarakat dan yang ditujukan kepada sasarannya di dalam hidup itu adalah dikatakan menurut falsafah hidup, pemimpinan undang-undang kepada masyarakat untuk mencapai hidup yang lebih tinggi dan lebih sempurna. Sesungguhnya langkah menggunakan undang-undang untuk meninggikan taraf hidup masyarakat adalah sangat baharu dalam tarikh undang-undang ciptaan manusia. Manakala dahulu dari itu undang-undang hanya sebagai pengatur masyarakat dengan tidak memimpinya menuju suatu bentuk masyarakat atau tauladan tinggi untuk hidup manusia.

Oleh Al-Ustaz Zulfikri Muhammad

Wujudnya undang-undang sebagai pengatur masyarakat itu menjadikannya hanya satu gambaran dari keadaan dan rupa masyarakat peredaran baharu dalam meletakkan undang-undang sebagai pemimpin masyarakat itu maju selangkah, dan dengan itu, dari undang-undangnya cita-cita dan falsafah hidup sesuatu masyarakat dapat diukur. Lebih jauh dari itu tarikh undang-undang ciptaan belum dapat memberi dengan sebenarnya di atas adanya undang-undang sebagai pembentuk rupa dan diri masyarakat.

Tetapi keadaan tersebut adalah berlainan manakala kita memperkatakan undang-undang Islam. Dari asalnya undang-undang Islam adalah pembentuk masyarakat. Islam sebagai satu agama menentukan garisan, dasar dan sasaran hidup manusia. Jadi undang-undangnya pun berasaskan dasar tersebut di atas garisannya dan menuju sasarannya.

Perbezaan undang-undang Islam dengan undang-undang ciptaan dalam erti bahawa undang-undang Islam itu “pembentuk masyarakat” bukan “hasil kemahuan masyarakat dalam aturan hidupnya” sahaja dapat direnungkan dengan jelas ke tiang kita lihatkan langkah dan peredaran perundangan dalam tarikh Islam jelas sekali bahawa undang-undang Islam tidak merupakan masyarakat Arab

ketika terbitnya. Tidak pula iaitu sebagai satu pemimpinan kepada orang-orang Arab untuk menciptakan falsafah hidup dan cita-cita mereka. Sebaliknya, Islam, dalam peredaran perundangannya, merupakan garisan yang bersendirian yang mana bentukkan baharu dan tinggi dikemukakan kepada masyarakat mereka, dengan tidak merupakan hinggakan cita-cita hidup mereka pada waktu itu.

Islam membawa pertukaran undang-undang yang mana masyarakat Arab pada waktu itu tidak lagi dapat menggambarannya, dan kepada setengah mereka tidak lagi menghendaknya.

Walaupun bagaimanapun itu tidak ganjil sebab undang-undang Islam itu datangnya dari Tuhan Yang Maha Kuasa dan Maha Mengetahui akan hajat hamba-hambanya. Undang-undang Islam pada hakikatnya satu rahmat kepada mereka dan kepada alim semuanya.

Sekarang, tetapi bukan sekarang sahaja, soal kesanggupan undang-undang Islam untuk menyelenggarakan hidup manusia timbul di hati orang yang mengambil berat dalam soal itu. Banyaknya keraguan timbul dan di atas asas pengalaman zahir dan pandangan yang dekat keraguan itu kerap berjaya membawa kekeliruan. Syak yang seperti itu akan menerbitkan pertanyaan “Benarkah ada undang-undang Islam dalam penyelenggaraan masyarakat. Jika

ada apa pula coraknya.”

Sungguhpun harus ada soal adanya “undang-undang” Islam untuk menyelenggarakan hidup manusia itu mendapat jawapan yang memuaskan tetapi tentang corak dan kesanggupannya dalam medan itu masih menjadi soal kepada setengah mereka yang mengambil dalam hal ini. Ini disebabkan oleh kekurangan penyelidikan dari mereka sendiri dan kesempitan kawasan penerangan dari mereka yang tahu.

Pada hakikat sebenarnya undang-undang Islam bukan sahaja sanggup dalam menyelenggarakan hidup manusia tetapi telah pun juga membuktikan kesanggupan itu seperti mana yang dapat kita saksikan di lembaran tarikh.

Kesanggupan Islam untuk meneruskan penyelenggaraannya terhadap hidup manusia menerusi undang-undangnya untuk hari ini, dan juga untuk masa yang akan datang adalah satu ketentuan yang tak ada bayangan syak di dalamnya. Keterangan ini bukanlah hanya bersandar kepada hakikat agama ini datangnya dari Tuhan dan sesuai untuk tiap-tiap tempat dan waktu. Tetapi, sebagai kita di dalam bahasan undang-undang, iaitu setelah menimbangkan asas-asas undang-undang Islam itu yang mana penuh dengan sendi-sendi yang menjamin kesanggupannya untuk menyelenggarakan masyarakat manusia.

Sebagai penjelasan beberapa sebab yang penting di dalam undang-undang untuk itu disebutkan di sini:

Pertama: Undang-undang Islam mempunyai asas-asas luas dan am. Ini adalah hasil dari adanya undang-undang Islam itu diambil daripada Al-Quran dan hadis yang mana terlalu luas dalam nas-nasnya dan umum dalam maknanya. Keluasan ini boleh meliputi kehendak sebarang masa dan tempat. Silap sekali orang yang memahamkan undang-undang Islam itu sempit sebab ia terbit di masyarakat Arab yang sempit sebab undang-undang Islam bukannya buatan masyarakat Arab. Maka dengan asas nas-nas yang luas itu manusia di tiap-tiap waktu memandang ertinya menurut keadaannya dan itulah rahsia kesanggupan undang-undang Islam menyelenggarakan hidupnya.

Kedua: Kelewatan (Flexibility) undang-undang Islam

di dalam perkara-perkara yang bertukar-tukar menurut masa adalah sebagai sendi besar. Bagi kesanggupannya menyelenggarakan hidup manusia. Sungguhpun ada kerasnya (Rigidity) dalam asas undang-undang Islam tetapi sifat lewat banyak menjadi asas hukum. Kelewatan tentulah penting ada jika sesuatu undang-undang hendak terus menerus menemui kehendak masyarakat manusia. Dalam pada itupun, undang-undang Islam tetap di atas asasnya, sebab ia bukan hanya menciptakan kehendak masyarakat tetapi juga memimpin.

Ketiga: Lembaga undang-undang Islam adalah semuanya sesuai dengan tabiat manusia. Psikologi undang-undang Islam itu terlalu dalam dan tepat. Hukum-hukumnya mudah sedikit dan nyata. Keadaannya istimewa mendapat hukum istimewa pula dan perbezaan kecil mendapat pertimbangan.

Itu jika dipandangkan lembaga undang-undang Islam itu. Di samping itu ada satu hakikat yang besar iaitu falsafah undang-undang Islam. Di dalam undang-undangnya Islam terlalu tinggi dan luas tak ada undang-undang di dunia ini hingga hari ini, dapat hampir kepada tarafnya. Pertubuhan bangsa-bangsa bersatu masih sedikit modalnya dalam menciptai falsafah undang-undang yang bermutu.

Tambahan pula, Islam dalam undang-undangnya tidak hanya menuju pengaturan dan pengawalan masyarakat. Mutu budi pekerti adalah menjadi sasaran perundangan Islam. Jadi dengan itu taraf masyarakat terus meninggi.

Akan tetapi patut diketahui bahawa undang-undang Islam itu adalah satu tubuh undang-undang yang sempurna yang mana tak boleh dipisahkan antara bahagian-bahagiannya. Jadi dalam melaksanakannya semua undang-undangnya hendaklah dijalankan. Hanya dengan begitu natijahnya didapati, manakala dengan menjalankan setengah undang-undang dan meninggalkan setengahnya Cuma membawa kekusutan.

Secara ringkas, nyatalah bahawa Islam dengan undang-undangnya yang rapi sanggup menyelenggara hidup manusia sekarang, dan bila-bila pun. Cuma orang yang hanya mengkaji undang-undang ciptaan tentulah menyangka hanya undang-undang itu sahaja yang boleh mengatur dunia. Tetapi apa hasilnya? Semuanya di dunia ini porak peranda!!!